



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14/05/2012

## Hudud hanya mainan politik Pas

UM-141512012

Oleh ZULKIFLEE BAKAR  
penarang@utusan.com.my

DALAM perbualan penulis dengan beberapa penyokong tegar Pas di Kedah minggu lalu, mereka mengakui bahawa parti itu berada di dalam keadaan cukup tertekan bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Ketika UMNO dan komponen Barisan Nasional (BN) semakin memperkukuhkan kedudukan serta memperbaiki kelemahan, Pas pula bersama sekutunya Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP masih mencari-cari titik persefahaman.

Bagi penyokong Pas, pelbagai perkembangan yang berlaku dalam arena politik negara sejak kebelakangan ini ternyata tidak menguntungkan pembangkang.

Ia termasuklah juga perhimpunan Bersih 3.0 yang dikatakan meranapkan sama sekali populariti pembangkang untuk menjadi pencabar kepada BN.

Bagi Pak Ku Salleh, seorang warga emas di Bedong, Kedah yang sejak usia muda lagi menyokong Pas mengakui bahawa parti itu semakin hari semakin hilang cengkaman dalam memberi saingan kepada UMNO.

Kedudukan itu berlaku kerana menurut bekas pesara kerajaan ini, Pas seolah-olah mencari-cari hala tuju perjuangannya.

"Bagi kami di kampung-kampung ni yang faham Pas itu perjuangan Islam tetapi bila pemimpin atas cakap soal negara berkebjakan, kita pun jadi pening," katanya ketika berbual dengan penulis.

Bagi penyokong muda Pas, Seman, 40, biar pun dia tetap istiqomah dengan per-

juangan Pas namun dia mengharap parti itu akan segera berubah dan kembali kepada perjuangan asal.

"Kalau tidak Pas akan dilihat teraba-raba mencari arah perjuangan dan dengan pilihan raya makin dekat dah pasti sikap Pas ini boleh menjejaskan peluang untuk menang besar," katanya yang mengajar di sebuah sekolah agama.

Mungkin bukan sahaja Pak Ku Salleh atau Seman malah dari semasa ke semasa semakin ramai penyokong Pas berasa tidak selesa dengan kepimpinan parti itu yang dilihat gagal menunjukkan arah tuju sebenar perjuangan Pas.

Terbaru, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menambah lagi 'rasa pening' penyokong parti itu apabila bercakap soal meminda Perlembagaan bagi membolehkan Islam dijadikan addin.

Belum pun sempat isu berkenaan dibahas dan diberi perincian, Abdul Hadi bercakap pula mengenai pelaksanaan hukum hudud yang seperti kita duga telah membangkitkan perasaan tidak puas hati sekutunya, DAP.

Pengerusi DAP, Karpal Singh denganantang menegur Presiden Pas itu dengan berkata, "Amat dikesali akhir-akhir ini Abdul Hadi kerap mengeluarkan kenyataan dan kemudian terpaksa menariknya kembali. Saya telah katakan sebelum ini, dan saya katakan sekali lagi bahawa hudud tidak boleh dilaksanakan di Malaysia kerana ia jelas bercanggah dengan Perlembagaan."

Pas tidak boleh marahkan Karpal Singh, sebaliknya mereka patut menghormati be-

liau kerana sentiasa konsisten sejak dulu menentang pelaksanaan hukum hudud oleh Pas.

Karpal Singh tidak mahu hipokrit atau bersikap 'flip flop' dalam soal berkenaan, justeru Pas tidak perlu tersinggung dengan Pengerusi DAP itu.

Sebaliknya Pas perlu menyalahkan diri sendiri kerana tidak bersikap tidak konsisten dalam memperjuangkan perkara-perkara berkaitan Islam.

Berikutan itu beberapa blog pembangkang, mereka hairan dengan sikap Abdul Hadi yang masih membangkitkan satu perkara yang sudah diputuskan oleh pakatan pembangkang.

"Sudah banyak kali dibincangkan, diputuskan dan diumumkan bahawa hudud bukan keutamaan Pakatan Rakyat malah tidak tersenarai sebagai mana-mana kepentingan pun untuk diberi perhatian sekiranya Pakatan Rakyat berjaya menawan Putrajaya daripada BN dan UMNO.

"Ini bukan rahsia. Tapi setiap kali pilihan raya makin hampir, setiap kali itulah juga Hadi Awang akan membangkitkan soal hudud," corot penulis blog suarapakatanrakyat.com dalam entri terbarunya, kelmarin.

Blog berkenaan mengingatkan bagaimana pada tahun 2003, DAP terpaksa meninggalkan Barisan Alternatif (BA) apabila Abdul Hadi berkeras untuk membentangkan draf hukum hudud di Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu yang dikuasai parti tersebut.

"Keputusan yang ternyata membawa padah apabila Pas kehilangan Terengganu

pada pilihan raya umum 2004 dan masih gagal menawan semula negeri tersebut ketika BN berada di tahap terburuknya pada 2008. Abdul Hadi kelihatannya tidak pernah belajar daripada pengalaman tersebut," kata blog itu lagi.

Sememangnya hudud hanyalah mainan politik Pas, ia hanya akan bergema apabila pilihan raya hendak diadakan dan akan senyap selepas pilihan raya.

Kalau Pas konsisten dalam perjuangan Islam termasuk hukum hudud kenapakah menukar hala tuju perjuangannya daripada negara Islam kepada negara berkebjakan?

Kalau betul Pas pejuang Islam sejati kenapakah Pas tidak mahu menyatakan yang benar itu benar dan yang batil itu batil? Kenapakah apabila ada kes-kes melibatkan pemimpin pembangkang semuanya dianggap konspirasi UMNO dan BN?

Kenapakah keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan berhubung perhimpunan Bersih mahu diperlekehkan? Apakah hanya keputusan dan pendirian ulama dalam Pas sahaja akan dianggap betul?

Hakikatnya apa yang Pas lakukan dengan bercakap soal Islam adalah semata-mata untuk meraih sokongan orang Melayu dan umat Islam.

"Pas mula gelisah dengan sokongan orang Melayu kepada parti itu setelah berjaya diliberalkan sepenuhnya oleh PKR dan DAP.

"Sudah tiada apa-apa perbezaan lagi sekarang antara Pas dengan PKR yang ultra liberal dan DAP yang sosialis-sekular," kata penganalisis politik, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak ketika dihubungi.

Sehubungan itu beliau berkata, sementara DAP semakin cauvinis, Pas pula sudah hilang jati diri. Jadi hududlah sandaran yang masih ada pada Pas.

"Pas berharap orang Melayu akan ingat kepada parti itu sebagai sebuah bekas parti Islam, hudud Pas sudah tidak relevan lagi. Ia hanya menjadi mainan bibir dua tiga orang ulama Pas yang sudah terpinggir," katanya.

Sememangnya itulah keadaannya, hukum hudud hanya mainan politik Pas menjelang pilihan raya, Pas sudah tidak ada modal lain bagi meruntun kembali sokongan orang Melayu yang semakin menjauhinya.

Pas begitu percaya hukum hudud sedikit sebanyak akan melembutkan hati orang Melayu untuk menyokong parti tersebut tetapi itu dulu, sekarang orang Melayu dan umat Islam sudah benar-benar memahami corak permainan politik Pas.

Oleh itu, tidak perlulah lagi Pas hendak memperbodohkan orang Melayu dengan mainan politik hudud tersebut. Kalau Pas benar-benar ikhlas mahu memperjuangkan hukum hudud keluar sahaja daripada pakatan pembangkang.

Pas tidak boleh bersekongkol dengan pihak yang menentang keras perjuangan parti itu tetapi kita percaya Pas tidak ada keberanian berkenaan.

Sebab itulah Mohamed Mustafa menganggap cabar mencabar antara Pas dan DAP mengenai hudud hanya sandiwara politik sahaja kerana hakikatnya hudud sudah lama 'mati' dalam Pas.